

# KENYATAAN AKHBAR

## CIDB KELUAR 105 NOTIS KESALAHAN RAMPAS 27 KAD PERSONEL BINAAN PALSU

**KUALA LUMPUR, 26 Mei** : Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mengeluarkan 105 notis kesalahan terhadap sebuah projek pembinaan di sekitar Lembah Klang dalam satu Operasi Penguatkuasaan Bersepadu (OPB) anjuran Ibu pejabat CIDB di sini.

Dalam operasi itu CIDB turut merampas 27 kad pemerakuan personel binaan palsu selain menyita sebanyak 23 dokumen bagi membantu siasatan mengikut Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994, Akta 520.

Menurut Pengurus Besar Bahagian Penguatkuasaan merangkap ketua OPB, Suhaimi Mansor, kesemua notis itu adalah kesalahan membabitkan pendaftaran, akreditasi dan latihan personel binaan.

"Seramai 230 orang pekerja yang terdiri daripada pelbagai warganegara telah diperiksa dan didapati 27 daripada mereka iaitu Indonesia (13), Bangladesh (9), tempatan (4) Vietnam (1) memegang kad pemerakuan personel binaan yang palsu.

"Dalam hal ini, CIDB mengambil tiga keterangan disamping telah membuat laporan polis untuk membantu siasatan lanjut," katanya.

OPB yang melibatkan 23 anggota penguatkuasa CIDB cawangan ibu pejabat, Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka selain 44 anggota dari Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Selangor itu, adalah hasil daripada risikan pasukan penguatkuasa CIDB ibu Pejabat yang dibuat pada awal Mei lepas.

Siasatan itu melibatkan projek cadangan pembangunan bercampur yang mengandungi Fasa 1 membabitkan 1 blok 8 tingkat yang mengandungi 3 tingkat tempat letak kenderaan, 4 tingkat aras bawah ruang pejabat dan kedai serta 1 paras sub basement tempat meletak kenderaan.

Manakala bagi Fasa 2 membabitkan 2 blok 39 tingkat menara pangsapuri servis serta 2 tingkat podium tempat meletak kenderaan beserta ruang rekreasi.

Mengikut Akta 520 Seksyen 33 adalah menjadi satu kesalahan kepada penyelia tapak binaan atau pekerja binaan mahir yang melakukan kerja-kerja di tapak binaan tanpa terlebih dahulu diakreditasi dan diperakukan oleh CIDB.

Sesiapa yang didapati menjalankan kerja-kerja pembinaan tanpa pendaftaran sah, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000. Denda yang sama juga dikenakan kepada sesiapa yang mengambil pekerja yang tidak diakreditasi untuk melaksanakan kerja-kerja pembinaan.

Bagi kontraktor yang gagal untuk mendaftar dengan CIDB, mereka boleh dikenakan denda antara RM10,000 hingga RM100,000 mengikut Seksyen 25 jika disabitkan bersalah.

\*\*\*\*

---

### **Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Rakis Santa : [rakis@cidb.gov.my](mailto:rakis@cidb.gov.my) 03-4047 6272 / 012-6200 360

Noryani Ismail : [noryani@cidb.gov.my](mailto:noryani@cidb.gov.my) 03-4047 7027 / 019-285 6867